



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



# Laporan Peperiksaan **STPM 2023**



## Seni Visual (970)



## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 10 400 orang calon menduduki peperiksaan mata pelajaran ini dan 70.13% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
<b>Peratusan</b>	13.19	6.40	7.26	8.12	11.11	13.87	10.19	4.60	4.59	3.81	16.87

## RESPONS CALON

### Komen am

Kertas ini ialah kertas eseai bertulis yang terdiri daripada bahagian (a), iaitu bahagian soalan struktur. Bahagian (b) dan (c) pula ialah bahagian soalan eseai panjang. Pada keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini adalah baik. Calon merancang jawapan dengan mengemukakan isi, huraihan, dan contoh dengan baik. Kelemahan calon dari segi penulisan pendahuluan dan penutup bagi soalan eseai. Kebanyakan calon menulis semula soalan sebagai pendahuluan dan bahagian penutup tidak dirumuskan semula isi-isi yang diberikan. Penutup yang ditulis hanya umum sahaja.

## BAHAGIAN A

### Soalan 1

Soalan ini merujuk karya yang bertajuk *Laluan Masa* oleh Hashim Hassan. Soalan ini menghendaki calon untuk menyenaraikan lima hal benda yang terdapat dalam karya catan Hashim Hassan dan memberikan tema yang sesuai dengan catan tersebut. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dan mendapat markah penuh. Hal benda dan tema yang diberikan menepati karya catan yang diberikan. Kelemahan segelintir calon kerana hanya menyenaraikan tiga atau empat hal benda sahaja.

### Soalan 2

Soalan ini merujuk karya yang bertajuk *Energy (Monsoon Series)* oleh Suzlee Ibrahim. Soalan ini menghendaki calon untuk menerangkan karya tersebut dalam konteks ekspresi dan konteks emosi. Dari konteks ekspresi calon perlu menerangkan gaya yang ditampilkan dalam karya, penggunaan berus yang spontan, penggunaan unsur seni, seperti garisan, jalinan, dan warna dalam karya tersebut. Namun begitu, kebanyakan calon hanya menerangkan tentang unsur seni sahaja.

### **Soalan 3**

Soalan ini merujuk gambar koleksi setem Pos Malaysia yang diinspirasi daripada lukisan kartunis Malaysia, iaitu Datuk Mohammad Nor Khalid (LAT). Soalan menghendaki calon memberikan tiga makna tersurat dan tiga makna tersirat yang ingin disampaikan melalui karya Lat yang bertajuk *Malaysian Cartoon Series I*. Majoriti calon dapat menjawab kehendak soalan ini dengan baik berdasarkan penelitian calon melalui gambar setem tersebut.

### **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon untuk menjelaskan pengertian seni visual dari konteks pengkaryaan dan perekaan. Majoriti calon berupaya menjelaskan jawapan dengan tepat dan memberikan contoh-contoh yang sesuai sama ada dari segi pengkaryaan atau perekaan. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil calon memberikan fakta yang betul tetapi huraian yang tidak tepat serta terdapat juga calon yang memberikan jawapan yang sama dari kedua-dua aspek.

## **BAHAGIAN B**

### **Soalan 5**

Soalan ini berdasarkan gambar poster yang bertajuk *Cut A Tree* yang dihasilkan pada tahun 2016. Soalan ini memerlukan calon menghuraikan tiga mesej yang terkandung dalam poster tersebut. Apabila soalan menghendakkan mesej, maka ia berkait dengan makna tersurat dan makna tersirat. Secara keseluruhannya, calon dapat memberikan jawapan dengan tepat berkait dengan makna tersurat dan tersirat. Soalan ini menjadi pilihan ramai calon. Kelemahan calon tidak menggunakan terminologi biasa dalam seni visual. Terdapat juga calon yang menulis berkaitan dengan bidang-bidang yang terdapat dalam seni komunikasi visual.

### **Soalan 6**

Soalan ini merujuk karya *Siri Dungun – Jendela Terbuka* oleh Ruzaika Omar Basree. Soalan ini menghendaki calon untuk memperihalkan karya tersebut dengan membuat tiga penghayatan dari aspek subjek dan kandungan. Majoriti calon yang memilih soalan ini tidak memberikan jawapan yang memuaskan. Calon gagal menjelaskan subjek dan kandungan daripada karya tersebut. Sebaliknya, calon hanya menerangkan fungsi tingkap. Calon sepatutnya menerangkan unsur-unsur tradisional atau estetik yang berkait dengan karya asemblaj yang menunjukkan tingkap atau jendela yang terbuka.

### **Soalan 7**

Soalan ini menghendaki calon untuk membincangkan dua tema yang ingin disampaikan melalui karya media campuran berjudul *Cabinet Series* oleh Ahmad Shukri Mohamed. Soalan ini tidak menjadi pilihan calon. Calon hanya memberikan jawapan fakta yang menyenaraikan objek-objek yang terdapat dalam karya tanpa menghubungkaitkan dengan tema. Ramai juga calon yang menerangkan hal benda atau subjek yang tiada kaitan dengan kehendak soalan.

### **Soalan 8**

Soalan ini berkaitan dengan reka bentuk landskap yang semakin mendapat perhatian umum. Soalan ini perlu dijawab pada dua bahagian, iaitu bahagian (a) dan (b). Pada bahagian (a), calon perlu menjelaskan maksud reka bentuk landskap. Pada bahagian (b) pula, calon dikehendaki memberikan tiga manfaat yang diperoleh daripada reka bentuk landskap. Secara keseluruhan, calon dapat memberikan jawapan dengan baik. Calon dapat menghubungkaitkan fakta dan huraihan dengan baik berserta dengan contoh-contoh yang sesuai. Namun begitu, terdapat juga calon yang menjelaskan kepentingan landskap secara umum dan memasukkan elemen hiasan dalaman yang tiada kaitan dengan reka bentuk landskap.

## **BAHAGIAN C**

### **Soalan 9**

Soalan ini berdasarkan gambar poster pengiklanan kereta Proton Iriz keluaran Proton yang dihasilkan pada tahun 2019. Soalan ini menghendaki calon untuk membincangkan tiga elemen komunikasi visual dan fungsi yang terdapat dalam poster tersebut. Ramai calon menjawab soalan dengan baik dan memberikan tiga elemen komunikasi visual dengan tepat dan fungsinya. Calon memberikan jawapan yang lengkap merangkumi fakta, huraihan, dan contoh. Namun begitu, terdapat juga calon yang tidak mengetahui elemen komunikasi visual dan menghuraikan elemen dari sudut pengolahan unsur seni dan prinsip rekaan.

### **Soalan 10**

Soalan ini berdasarkan gambar poster yang direka bentuk oleh Asher Jay bertajuk *NJ Ivory Crush*. Soalan ini menghendaki calon untuk menghuraikan deskripsi, analisis, dan interpretasi berdasarkan poster itu dengan menggunakan strategi kritikan seni. Soalan ini menjadi pilihan calon. Calon dapat memberikan fakta dan huraihan dengan tepat dari segi deskripsi, analisis, dan interpretasi. Kelemahan calon ialah memberikan jawapan unsur seni, prinsip rekaan serta media dan teknik sebagai jawapan dari segi analisis.

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 9 641 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 91.38% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	22.71	6.59	10.52	7.27	14.64	17.04	12.62	1.94	2.87	1.38	2.43

## RESPONS CALON

### Komen am

Kertas soalan ini mengandungi soalan yang menguji kemahiran calon dalam penghasilan lukisan. Soalan ini berbentuk gubahan idea, iaitu calon diberikan atau membawa bahan untuk menghasilkan sesuatu idea yang baharu. Bagi tahun ini, setiap calon diberikan sekuntum bunga lawang yang disediakan oleh Ketua Pengawas. Calon dikehendaki membuat penelitian terhadap bentuk dan sifat objek bunga lawang yang diberikan. Berdasarkan bunga lawang yang diberikan itu, calon perlu menghasilkan satu reka bentuk rekaan kerongsang (*brooch*) aksesori perhiasan diri.

Calon diuji dengan tiga bahagian, iaitu (a), (b), dan (c). Pada bahagian (a), calon dikehendaki untuk menghasilkan dua lukisan kajian objek secara realistik dari sudut pandangan yang berbeza. Bahagian (b) pula, calon dikehendaki untuk menghasilkan tiga lakaran kasar untuk olahan reka bentuk rekaan kerongsang (*brooch*) aksesori perhiasan diri. Pada bahagian (c), calon perlu menghasilkan satu lukisan akhir rekaan kerongsang dengan merujuk lakaran kasar olahan reka bentuk di bahagian (b).

Secara keseluruhan, soalan adalah jelas dan menguji kemahiran calon untuk berfikir, melihat, memahami, dan mentafsir subjek atau imej untuk mengaplikasikan sifat objek dalam bentuk lukisan realistik daripada subjek bunga lawang. Kebanyakan calon berkemahiran dan proses peniruan di bahagian (a). Pada bahagian (b), iaitu proses kreativiti hanya sebahagian calon sahaja berjaya menunjukkan kefahaman menepati kehendak soalan. Majoriti calon tidak menghadapi masalah dalam menjawab soalan pada bahagian (c).

### Komen am

Pada bahagian (a) calon perlu menghasilkan lukisan sebenar (bunga lawang) secara realistik dalam dua sudut pandangan berbeza. Penekanan kepada bentuk dan sifat objek. Kebanyakan calon mampu menterjemahkan sifat objek dalam bentuk lukisan secara realistik. Pilihan campuran warna yang digunakan oleh majoriti calon dapat menggambarkan warna semula jadi bunga lawang dengan baik. Kelemahan calon dilihat gagal untuk menghidupkan sifat subjek dari segi tona, jalinan, kesan cahaya,

dan bayang. Terdapat calon yang tidak memberikan perhatian dan penekanan dari aspek kekemasan. Kefahaman calon terhadap gaya lakaran adalah memuaskan.

Pada bahagian (b) pula, calon perlu menghasilkan tiga lakaran olahan subjek kepada rekaan kerongsang mengikut interpretasi calon terhadap bentuk dan sifat subjek secara kreatif dan inovatif. Kebanyakan calon menghasilkan olahan yang menggambarkan kelopak bunga lawang, seperti bunga melur atau jasmin. Terdapat segelintir calon gagal memahami kehendak soalan kerana mereka melukis olahan objek lain, seperti jam tangan, rantai, gelang, dan ramai yang melukis rekaan dokoh.

Pada bahagian (c) memerlukan calon memilih salah satu idea dari tiga lakaran yang telah dihasilkan di bahagian (b) dan hasilkan satu lukisan akhir. Secara keseluruhan, segelintir calon menjawab soalan ini dengan baik. Calon menampilkkan kualiti dalam rekaan aksesori perhiasan kerongsang yang mempunyai ciri komersial. Terdapat segelintir calon yang lebih mengutamakan lukisan persembahan atau latar belakang secara berlebihan sehingga objek kerongsang tidak kelihatan penting. Penggunaan media dan teknik adalah sederhana. Majoriti calon menggunakan media *graphite* dan pensel warna. Hanya segelintir calon yang menggunakan pen dan *marker*. Secara keseluruhan, kemahiran media dan teknik calon pada tahap yang sederhana.





# *Laporan Peperiksaan*

# **STPM 2023**



**Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.** (89120-H)



**Majlis Peperiksaan Malaysia**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488  
E-mel: ppa[at]mpm.edu.my